Set A : Kata Bantu Aspek

Pilihan Jawapan (Kata Bantu Aspek)

sudah | telah | pernah | sedang | masih | akan | belum

Arahan: Isi tempat kosong dengan kata bantu aspek yang paling sesuai. Gunakan setiap pilihan jawapan sekali sahaja.

1.  Ali _____ makan nasi lemak yang dibeli oleh ibunya pagi tadi kerana dia sangat lapar.

2. 

Pihak sekolah _____ merasmikan Majlis Anugerah Cemerlang pada minggu lepas.

3. 

Saya _____ melawat ke Zoo Negara bersama keluarga semasa cuti sekolah yang lalu.

4. 

Adik _____ tidur lena di dalam biliknya, jadi jangan buat bising.

5.  Ayah _____ bekerja di pejabatnya walaupun hari sudah lewat malam.

6.  Kami _____ belajar dengan bersungguh-sungguh untuk menghadapi peperiksaan esok.

7.  Murid baharu itu _____ mandi kerana bekalan air di rumahnya terputus.

LIVEWORKSHEETS

Set B : Kata Bantu Ragam

Pilihan Jawapan (Kata Bantu Ragam)

mahu | hendak | boleh | dapat | mesti | harus | perlu

Arahan: Isi tempat kosong dengan kata bantu ragam yang paling sesuai. Gunakan setiap pilihan jawapan sekali sahaja.

1. 
Saya _____ makan ais krim strawberi yang dijual di kedai mesra itu.

2. 
Ali _____ bermain bola sepak di padang sekolah bersama rakan-rakannya petang ini.

3. 
Adik _____ membaca buku cerita Bahasa Melayu itu dengan lancar sekali.

4. 
Athirah _____ berlari dengan pantas selepas memakai kasut sukan baharunya.

5. 
Kita _____ rajin belajar untuk mencapai cita-cita pada masa hadapan.

6. 
Semua warga sekolah _____ menjaga kebersihan kawasan persekitaran bersama-sama.

7. 
Setiap orang _____ minum air yang secukupnya setiap hari agar tubuh kekal sihat.

LIVEWORKSHEETS